

KAJIAN HAFALAN ALQURAN DI MAAHAD TAHFIZ RIYADHUL JANNAH

Fatimah Azzafirah Binti Md Yani¹
Nurul Atilah Binti Roslan²
Aini Naajihan Binti Sholehan³
Syed Najihuddin bin Syed Hassan⁴

¹Faculty Quranic and Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),
(E-mail: azzafirahm@raudah.usim.edu.my)

²Faculty Quranic and Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),
(Email: nurulatilah15@raudah.usim.edu.my)

³Faculty Quranic and Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
(E-mail: aininaajihan@raudah.usim.edu.my)

⁴Faculty Quranic and Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
(E-mail: syednajihuddin@usim.edu.my)

Abstract: *Al-Quran merupakan wahyu yang disampaikan secara lisan daripada Allah kepada Utusan-Nya Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Malaikat Jibril AS. Ianya juga merupakan kitab suci yang bersifat syumul yang menjadi petunjuk dan pedoman bagi umat Islam di sepanjang zaman. Namun begitu, lambakan kaedah hafalan yang pelbagai menyebabkan kekeliruan sekaligus membuatkan pelajar hilang minat untuk menghafal Al-Quran. Oleh yang demikian, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengkaji tentang metodologi tahfiz Alquran yang digunakan di Maahad Tahfiz Riyadhul Jannah. Selain itu, kajian ini juga menghuraikan tentang latar belakang dan mengumpul data Maahad Tahfiz Riyadhul Jannah. Kajian ini dijalankan secara kaedah kualitatif. Pengumpulan data yang diperolehi melalui instrumen temu bual dengan guru dan pelajar di sekolah. Berdasarkan hasil kajian, didapati bahawa terdapat kaedah pengajaran guru yang dapat mempengaruhi minat pelajar untuk menghafal Al-Quran. Tambahan pula, berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, pelbagai usaha yang dilakukan untuk mempelbagaikan kaedah pembelajaran metod tahfiz supaya pelajar mudah memahami dan mempelajari Al-Quran.*

Keywords: *Pembelajaran Al-Quran, Tahfiz, Wahyu*

Pendahuluan

Pendidikan tahfiz Al-Quran adalah bidang pengajian yang penting dalam mendalami agama Islam. Institusi pendidikan tahfiz Al-Quran di Malaysia pada masa kini semakin berkembang pesat dan diterima baik oleh masyarakat. Secara umumnya, proses pembelajaran Al-Quran bermula dengan mengenal huruf hijaiyah dan mengeja, membaca dan mempelajari hukum-hukum tajwid serta mengkhatamkan Al-Quran. Menghafaz Al-Quran adalah suatu tanggungjawab yang tidak mudah kerana disiplin ilmu ini berbeza dengan disiplin ilmu yang lain kerana ianya berpusatkan para pelajar. Para penghafaz bertanggungjawab atas pembelajaran masing-masing berdasarkan objektif pembelajaran yang ditetapkan oleh pihak institusi sendiri. Walaupun terdapat pelajar yang mampu menyusun pembelajaran masing-masing dengan baik, namun kebanyakan pelajar perlu diajar tentang strategi dan kaedah dalam mengatur pembelajaran mereka sendiri. Oleh hal yang demikian, pendedahan dan penekanan dalam menghafaz Al-Quran amat diperlukan agar pelajar dapat menghafaz dengan lebih sistematik dan tersusun.

Kini, institusi pendidikan tahfiz telah menawarkan sistem dan strategi yang mampu memberi impak besar kepada generasi masa depan. Perkembangan pendidikan tahfiz sangat pesat dengan bertambahnya bilangan sekolah tahfiz swasta dan sekolah tahfiz rakyat dari hari ke hari bagaikan cendawan yang tumbuh selepas hujan. Seiring dengan masa yang pantas berlalu, kita dapat melihat pendidikan tahfiz mendapat sambutan yang menggalakkan daripada ibubapa untuk menghantar anak-anak mereka ke institusi-institusi tahfiz sehingga melahirkan ramai huffaz. Antara salah satu faktor penting ibubapa memilih pendidikan tahfiz ialah keyakinan mereka terhadap kelebihan orang yang mempelajari Al-Quran apatah lagi menghafaz Al-Quran.

Institusi pendidikan tahfiz di Malaysia melaksanakan pelbagai metodologi pendidikan tahfiz berdasarkan kepada beberapa buah negara dunia. Antaranya, metodologi hafazan dari Turki, Indonesia dan sebagainya yang mempunyai kekuatannya yang tersendiri. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengkaji tentang metodologi tahfiz Al-Quran yang digunakan di Maahad Tahfiz Riyadhul Jannah.

Objektif Kajian

1. Menganalisis kaedah metodologi tahfiz yang digunakan di Maahad Tahfiz Riyadhul Jannah di Semenyih, Selagor.
2. Mengenal pasti latar belakang penubuhan dan cara pelaksanaan pengurusan yang digunakan di Maahad Tahfiz Riyadhul Jannah di Semenyih, Selagor.
3. Mengenal pasti inisiatif pihak pentadbiran dalam meningkatkan kualiti hafazan pelajar.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah bentuk kualitatif. Ia boleh memberikan pandangan dan pemahaman tentang sesuatu pengalaman. Selain itu, temu bual adalah satu-satunya cara yang telah digunakan untuk proses pengutipan data kajian ini. Temu bual atau juga dipanggil “interview” adalah satu proses interaksi dan komunikasi dua orang atau lebih iaitu diantara subjek dan objek. Kaedah ini dilakukan untuk mendapat maklumat secara langsung daripada responden. Analisis tematik telah dipilih untuk mengklasifikasikan data tentang kajian yang telah dikumpul dan ditetapkan.

Dalam penyelidikan kajian ini, pengkaji menganalisis dan mengklasifikasikan analisis data maklumat yang sedia ada mengikut tema yang ditetapkan. Sebagai contoh, menggunakan kaedah-

kaedah tertentu dalam hafalan ayat Al-Quran. Oleh itu, jika data yang dihasilkan ada yang tidak relevan, tidak akan digunakan dalam penyelidikan ini.

Kajian Literatur

Sebagai rujukan atau penjelasan, kajian ini menerangkan beberapa aspek yang sesuai dengan tajuk kajian iaitu dari segi kaedah penghafalan Al Quran yang digunakan oleh institusi tahfiz di Malaysia, kaedah pembelajaran AlQuran dan juga keberkesanaan perlaksanaan dalam pengurusan sekolah. Kesemua aspek ini telah memberikan gambaran yang menyeluruh mengenai kajian ini.

Menurut Solahuddin Ismail (2018) menyatakan bahawa Pasca Kemerdekaan Tanah Melayu yang mula memberi sinar baharu dalam pendidikan tahfiz. Pendidikan tahfiz adalah salah satu cabang pendidikan yang ada di Malaysia. Pengajian tahfiz ini juga boleh mendorong kita dari melakukan perkara yang boleh merosakkan akal dan fizikal kita. Tujuan kajian ini dibuat adalah untuk menyelidik latar belakang dan perkembangan kebanyakan tahfiz di Malaysia.

Tajuk jurnal ini ialah " Strategi Kecemerlangan Institusi Pendidikan Tahfiz Al Quran di Malaysia" yang dijalankan oleh Mohd Jamalil Ismail (2017). Dalam kajian ini, membincangkan kaedah keberkesanan pembelajaran di institusi Pendidikan tahfiz. Kajian ini penting untuk kemajuan pendidikan tahfiz lain di Malaysia sekaligus untuk menarik minat pelajar untuk masuk ke institusi tahfiz.

Kajian lampau menunjukkan bahawa kaedah yang digunakan di institusi Pendidikan tahfiz berada pada tahap yang sederhana. Pernyataan ini diperoleh daripada Azmil Hashim (2014) dalam artikelnya yang berjudul Kaedah Pembelajaran Tahfiz dan Hubungannya dengan Pencapaian Hafazan Pelajar. Dalam analisis kajian ini terdapat perkaitan antara kaedah pembelajaran dan keberkesanan tahap pencapaian pelajar. Dapatan kajian mendapati strategi pembelajaran tahfiz perlu diberi perhatian yang lebih.

Mardhiah, Zetty dan Aslam (2018) berpendapat secara amnya, pendidikan alQuran wujud pada zaman Rasulullah saw. Pada zaman itu wujud, penulisan, penghafalan serta kaedah lain yang digunakan untuk mengembangkan Pendidikan alQuran. Merujuk kepada kajian yang telah dibuat oleh Mardhiah, Zetty, Aslam (2018) membuat kesimpulan bahawa terdapat banyak perkara yang tidak boleh diambil samal lewa oleh institusi tahfiz untuk menjayakan objektif yang sebenar terutamanya dari sudut teknik yang digunakan.

Menurut Zulkifli Mohd Yakub dan Nordin Ahmad (2016) dalam kajian mereka yang bertajuk "memperkasa generasi penghafaz Al Quran" telah menyatakan bilangan yang mendaftar di insituti tahfiz semakin meningkat tidak kira sama ada di institusi tahfiz swasta atau kerajaan. Beberapa institusi tahfiz di Malaysia telah menghafal alQuran berdasarkan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab. Ianya merupakan kaedah yang baru diperkenalkan pada awal tahun 2014. Hasil daripada kajian Zulkifli Mohd Yakub dan Nordin Ahmad (2016) mendapati bahawa kaedah ini perlu diperkukuhkan supaya kaedah ini dapat berkembang sekaligus melahirkan generasi yang dapat seimbangkan antara akademik dan juga rohani.

Menurut Sharini (2017) telah mengkaji bahawa pencapaian dalam hafalan alQuran berada pada tahap pertengahan dalam erti kata lain belum berada pada tahap yang memuaskan. Kajian ini dibuat untuk mengkaji apakah kaedah yang digunakan dan juga keberkesanan dalam menghafal Al Quran. Kajian menunjukkan bahawa ada enam kaedah yang digunakan oleh kebanyakan pelajar tahfiz. Dalam kajian ini ada beberapa pendapat yang dikemukakan oleh beliau bagi menjayakan kualiti pelajar tahfiz dan juga memajukan institusi- institusi tahfiz.

Kebelakangan ini, ramai pelajar huffaz yang hanya menghafal membuta tuli sahaja tanpa mengetahui makna ayat atau kurang mentadabur Al Quran. Mohd Faizulamri, Sabri Mohamad, Hamdi Ishak dan Haziyah Hussin (2020) menyatakan dalam kajian mereka bahawa belum ada kaedah yang

berkesan untuk pelajar tahfiz mentadabbur Al Quran dengan mudah. Hasil daripada kajian, mereka mendapati terdapat beberapa teknik yang boleh menjadikan hafalan pelajar tahfiz itu berkualiti. Kajian ini mendapati teknik menyebut makhraj huruf dan memperbaiki tajwid dalam menghafal alquran juga adalah salah satu teknik tadabur yang berkesan.

Menurut Norlizah, Fathiyah, Ahmad Fauzi, Lukman dan Wan Marzuki (2017) telah menjalankan satu kajian yang mengkaji tentang minat murid terhadap aliran tahfiz dan bentuk sokongan yang diterima. Dalam kajian ini mereka menjelaskan sistem sokongan ibu bapa, rakan-rakan dan beberapa faktor yang lain sedikit sebanyak mempengaruhi para pelajar untuk meneruskan sesuatu yang diminati. Mereka juga mengambil masa untuk menerapkan teknik- teknik yang digunakan dalam mempelajari dan menghafal Al Quran. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji minat pelajar terhadap aliran tahfiz dan juga membuat tinjauan terhadap sokongan ibu bapa terhadap anaknya. Seterusnya, kajian ini membuktikan bahawa sokongan daripada ibu bapa, guru dan orang sekeliling itu perlu bagi membantu pelajar lebih bersemangat dalam mengambil aliran tahfiz.

Menurut Zetty Nurzuliana rashed, Abd Halim tamuri, Mohd Pisol dan Mohd Faez Ilias (2016) mendapati bahawa Al-Quran dan sunnah padat dengan pelbagai sumber rujukan. Ia dapat menyeru umat Islam agar menuntut ilmu, menyelidiki, mentafsir dan menganalisis sebaik mungkin untuk memanfaatkan ilmu dan pengetahuan yang ada. Al-Quran juga merupakan sumber intelektual dan spiritual Islam yang menjadi asas bukan hanya bagi agama dan kerohanian semata-mata, tetapi semua cabang ilmu pengetahuan termasuk teknologi.

Menurut Mohd Faysal, Wan Hasmah dan Moh Yakub Zulkifli (2012) dalam kajiannya yang bertajuk “kelas kemahiran Al-Quran kearah pembangunan generasi Al-Quran di malaysia” menyatakan bahawa penguasaan Al-Quran adalah tanggungjawab kepada setiap individu yang bergelar muslim. Al-Quran merupakan sumber ilmu yang menyeluruh dari aspek syariah, akhlak, aqidah. dan sebagainya. Imam Muslim telah meriwayatkan di dalam Hadis Rasulullah, Allah telah meninggalkan dua perkara iaitu Al-Quran dan As-sunnah. Selagi manusia berpegang teguh pada kedua itu maka manusia tidak akan sesat dari fahaman yang menyeleweng.

Seseorang yang menghafaz Al-Quran perlu sedar bahawa dua perkara ini adalah sesuatu cabang yang berbeza iaitu menghafaz Al-Quran dan memelihara hafazan. Jika yang menghafaz sudahpun menyelesaikan hafazannya tetapi untuk memelihara dan mengekalkan ayat hafazan itu adalah tindakan selepasnya yang perlu dipertanggungjawabkan. Kesabaran yang tinggi dan cinta kepada Al-Quran adalah kunci utama untuk mengekalkan momentum sebagai penghafaz Al-Quran. (Murihah Abdullah et al., 2015).

Menurut Rohana, Norhafizah, Mardhiah, Shahrudin dan Hayati (2020), Allah menggesa kepada manusia untuk mentadabbur dan menghayati Al-Quran bagi memperoleh sesuatu ilmu serta hikmah daripadanya. Bukan sahaja perlu membaca dan menghafaz, tetapi perlu mentadabbur dan menghayati segala isi kandungan Al-Quran secara mendalam supaya meninggalkan kesan dan impak yang positif terhadap diri dan spritiual kepada pembaca Al-Quran.

Nor Hafizi Yusof (2020) berpendapat bahawa sistem pendidikan Tahfiz di Malaysia mula dikenali ramai oleh ibu bapa. Banyak isu dibincangkan oleh pihak yang berkaitan pendidikan tahfiz ini seperti pengurusan, pentadbiran, pengajaran dan pembelajaran (pdp) dan sebagainya. Tambahan pula menjadi faktor utama ibu bapa untuk menghantar ke institusi tahfiz kerana secara dasarnya institusi tahfiz seimbang dari segi dunia dan akhirat seperti menjadi seorang hafiz pada masa yang sama Berjaya dalam bidang akademik. Jangkaan awal dapati kelemahan pelajar dalam memastikan mereka menghafaz dan menjaga hafalan ayat dengan baik kerana kekangan masa dan jadual yang agak padat serta tiada system murajaah yang berkesan.

Perkembangan arus globalisasi pada zaman kini mendapati bahawa institusi maahad tahfiz mendapat perhatian ramai sehingga mampu menghasilkan kepelbagaian sistem pendidikan yang tersendiri. Oleh

itu, Dr Nur Azuki Yusuff, Mohd Binyamin Che Yaacob dan Nasrul Hakim Salleh (2014) menyatakan dalam kajian mereka bahawa matlamat dan halatuju pengajian institut-institut tahfiz mestilah jelas kerana pemikiran dan perancangan gerak kerja yang tidak seiring akan memberi kesan dalam aspek pelaksanaan dalam pengurusan.

Kebelakangan ini, banyak institut dan pendidikan ahfiz diperkenalkan dan ini memberi ruang dan peluang sebagai platform menyebarkan dakwah dengan baik. Tambahan pula ada institut swasta yang juga turut membantu institut kerajaan menubuhkan Institut tahfiz kerana mempunyai permintaan yang tinggi daripada masyarakat untuk menghantar anak mereka. Solahuddin bin Ismail (2016) menyatakan dalam kajian mereka bahawa lambakan institut ini menjadi kerisauan apabila tiada penyelarasan dalam pentadbiran, akademik dan sebagainya. Sedangkan cabaran ini perlu ditangani dengan sebaiknya supaya imej Islam tidak dipandang serong oleh masyarakat luar terhadap institute tahfiz di Malaysia.

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Sejarah Penubuhan

Berdasarkan kepada temu bual yang penulis lakukan pada tempoh hari kepada pengasas penubuhan pusat tahfiz ini di Institusi Maahad Tahfiz Riyadhul Jannah. Beberapa maklumat yang berjaya yang diperoleh penulis semasa melakukan kajian lapangan. Sebagai contoh, kami memperoleh maklumat dari segi sejarah penubuhan, kaedah hafalan pelajar, bilangan pelajar dan guru, kejayaan yang diperolehi sejak tahun 2021 dan banyak lagi maklumat lain yang boleh memberi manfaat kepada institusi lain atau masyarakat diluar sana.

Hasil daripada temu bual tersebut, pengkaji mendapati bahawa pada awalnya Maahad tahfiz ini dibangunkan dengan nama Akademi Riyadhul Tahfiz dan tahfiz ini mula bermohon dibawah Jabatan Agama pada tahun 2018. Institusi ini ditubuhkan oleh pengerusi di sekolah itu sendiri iaitu Encik Haslam Shariff dan beliau juga pengasas kepada Pertubuhan Prihatin Riyadhul Jannah Selangor (PPRJ). Pertubuhan ini pula bertujuan untuk melaksanakan program dan aktiviti yang berkaitan dengan kebajikan kemasyarakatan. Pada tahun 2019 insitusi ini barulah dibuka untuk kemasukan pelajar baharu.

Pada permulaan sekolah ini dibuka hanya ada beberapa pelajar yang mendaftar di bawah Maahad Tahfiz Riyadhul Jannah. Namun, lama kelamaan institusi ini dikenali dan saban tahun bilangan pelajar semakin meningkat dari tahun ke tahun. Sehingga hari ini, keseluruhan bilangan pelajar adalah sebanyak 64 orang termasuk dengan pelajar mingguan. 10 dari mereka adalah daripada keluarga yang kurang berkemampuan yang dipanggil pelajar asnaf. Mereka ditaja penuh oleh pihak sekolah untuk mereka mendapatkan pendidikan yang bagus. Seterusnya, maahad tahfiz ini mempunyai 11 kakitangan termasuk guru – guru yang mengajar.

Organisasi Institusi

Berikut adalah maklumat organisasi di Maahad Tahfiz Riyadhul Jannah:

Pengerusi : Mohamad Azrein @ Haslam Shariff

Pengetua : Ahmad Rusyaidi

Ketua Pentadbiran : Azizah Rasid

Eksekutif Kewangan : Juliani Jufri

Eksekutif Pentadbiran : Noor Aziatul Amira

Kerani Pentadbiran : Wan Nur Nabilah

Pegawai Operasi : Kamaruddin Ali

Kerani Am : Norbaini Nordin

Sesi Pagi

Tenaga Pengajar 1 : Ahmad Rusyaidi

Tenaga Pengajar 2 : Siti Athirah Nasyitah

Tenaga Pengajar 3 : Robiatul Adawiyah

Sesi Petang

Tenaga Pengajar 1: Salahuddin Bin Zarak Ali

Tenaga Pengajar 2: Robiatul Adawiyah

Seterusnya, bagi syarat kemasukan untuk pelajar Maahad Tahfiz Riyadhul Jannah bagi sesi pengajian tahfiz harian ialah terbuka kepada lelaki dan perempuan dan sihat tubuh badan. Hanya yang berumur 7 – 17 tahun sahaja dibenarkan daftar bagi pengajian tahfiz. Pelajar tersebut juga perlu memastikan boleh membaca Al-Quran dengan baik dan lancar. Selepas itu, mereka perlulah melalui temu bual antara pelajar dengan pengerusi Maahad Tahfiz ini iaitu En Haslam Syariff. Sebelum pelajar menerima masuk ke Maahad Tahfiz ini pelajar perlulah menunjukkan minat yang mendalam dalam menghafal Al-Quran. Pelajar juga tidak boleh mempunyai sebarang rekod jenayah dan masalah disiplin di sekolah terdahulu.

Yuran Pengajian Maahad Tahfiz Riyadhul Jannah

NO	PERKARA	YURAN (RM)
1	Kelas Pengajian Islam	
	Yuran Pendaftaran	30
	Kelas Iqra' / Al Quran	100
	Kursus Pengurusan Jenazah	50
2	Kelas Tahfiz Harian	
	Yuran Pendaftaran	100
	Yuran Bulanan	450
3	Kelas Tahfiz Mingguan	
	Yuran Pendaftaran	30
	Yuran Bulanan	200

Rajah 1: Temubual yuran pengajian

Sumber: Aini Naajihan. 9 December 2022. Universiti Sains Islam Malaysia. Isu Yuran Pengajian (Group Interview).

Sistem dan Kaedah Hafazan

Umumnya, Maahad Tahfiz Riyadhul Jannah menggunakan beberapa kaedah hafalan iaitu Saba', Sabqi dan juga Manzil. Saba' merupakan hafalan baharu yang akan diperdengarkan setiap hari kepada guru tasmi'. Hafalan baru bergantung kepada kemampuan dan kesungguhan seseorang pelajar itu sendiri. Sabqi pula adalah proses mengulang hafalan pada juzuk tertentu yang sedang dihafal. Manakala, Manzil yang dikenali sebagai Muraja'ah pula adalah kaedah mengulang juzuk-juzuk yang telah di hafaz. Kaedah Saba' di Maahad ini dilaksanakan pada waktu pagi dan Manzil pula dilaksanakan pada sebelah petang. Sabqi pula hanya dilaksanakan seminggu sekali sahaja.

Para pelajar baharu akan mula menghafaz daripada juzuk ke-30 dan seterusnya menghafaz juzuk pertama hingga ke-29. Setiap hari pelajar akan menghafaz 1 muka surat sehari (minimum) dan bagi pelajar yang berkemampuan mereka akan menghafaz beberapa muka surat dalam masa sehari. Maahad Tahfiz Riyadhul Jannah melaksanakan peperiksaan dua kali setahun iaitu peperiksaan pertengahan dan akhir tahun kepada pelajar-pelajar mereka. Institusi ini akan membuat ujian Tahriri iaitu satu proses menulis ayat suci Al-Quran mengikut Resm Othmani di dalam kertas peperiksaan yang telah disediakan kepada pelajar mereka. Melalui kaedah ujian sebegini, pelajar akan menguasai Bahasa Arab melalui menulis kembali ayat-ayat Al-Quran yang sememangnya di dalam bahasa yang mulia.

Jadual Harian Kelas Hafazan dan Akademik

08:00	-	08:30	Hafaz Al-Quran muka surat baharu
08:30	-	12:00	Tasmi' hafalan (Saba') bersama guru masing-masing.
			-masing
12:00	-	13:00	Kelas Diniyah atau Kelas Fardhu Ain
13:00	-	14:00	Rehat dan Solat Zohor
14:00	-	17:00	Tasmi' hafalan (Manzil) bersama guru masing-masing
<hr/>		17:00	Pulang

Rajah 2: Temubual Jadual pelajar Maahad Tahfiz Riyadhul Jannah

Sumber: Fatimah Azzafirah. 9 December 2022. Universiti Sains Islam Malaysia. Isu Yuran Pengajian (Group Interview).

Kelas Pengajian Berlangsung

Maahad Tahfiz Riyadhul Jannah membahagikan kelas kepada dua bahagian iaitu kelas tahfiz dan kelas pengajian Islam. Pertama, kelas tahfiz terbahagi kepada dua kelas pula iaitu kelas tahfiz harian dan kelas tahfiz mingguan. Kelas tahfiz harian diadakan pada hari jumaat dari pukul 8 pagi sehingga 5 petang manakala tahfiz mingguan diadakan pada hari Sabtu dari pukul 8 pagi hingga 1 petang. kelas tahfiz ini terdiri daripada hafazan harian, ulangan hafazan mingguan, bacaan Ta'lim, tajwid, tahriri, tahsin, kelas diniyah, fardhu ain dan kelas tarannum. Kedua, kelas pengajian Islam yang terbahagi kepada 3 bahagian iaitu kelas Al-Quran, kelas Iqra' dan kelas tarannum. Dalam kelas Al-Quran, Maahad Tahfiz menyediakan pembelajaran Al-Quran secara tartil, belajar tajwid, belajar talaqqi dan

belajar khatam manakala kelas Iqra' akan belajar mengenai asas mengenai dan menyebut huruf, mempelajari asas-asas tajwid dan membaca Iqra' dengan makhraj yang betul. Kelas tarannum juga menyediakan pembelajaran kemahiran asas vokal, mengenali kesenian Al-Quran dan membina keyakinan diri.

Inisiatif untuk Meningkatkan Kualiti Hafazan Pelajar

Penghayatan pelajar dalam muraja'ah bersama-sama guru tasmi' sangat penting dalam meningkatkan mutu dan kualiti hafazan pelajar. Justeru itu, pihak pentadbiran Maaha Tahfiz Riyadhul Jannah mengambil inisiatif melaksanakan program-program luaran yang mampu meningkatkan kualiti hafazan para pelajar. Antara program yang pernah dilaksanakan mereka adalah Program Intensif Smat Tahfiz Cuti Sekolah iaitu pada 29 November 2018 bersama Imam Muda Asyraf dan juga menganjurkan kelas Al-Quran yang merangkumi asas mengenal, menyebut huruf, mempelajari tajwid dan membaca dengan makhraj yang betul. Program sebegini sebenarnya membantu membentuk kecemerlangan pelajar memahami makna dan isi kandungan ayat Al-Quran.

Kelebihan dan keistimewaan

Maahad Tahfiz Riyadhul Jannah mempunyai kelebihan dan keistimewaan sendiri sama ada dari segi pembelajaran, tenaga pengajaran dan ruangan kelas. Pertama, kelebihan belajar dalam aspek pembelajaran adalah mereka boleh bertalaqqi secara berkumpulan, boleh tasmi' hafazan di Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) secara terbuka dan ada pengasingan tahap secara tersusun yang telah ditetapkan di Maahad tersebut. Kedua, kelebihan belajar di Maahad Tahfiz Riyadhul Jannah adalah dari segi tenaga pengajar. Mereka mempunyai tenaga pengajar yang berpengalaman, Hafiz Al-Quran, mempunyai sijil tauliah mengajar dari Jabatan Agama Islam Selangor, berkelulusan dan mesra berdedikasi. Akhir sekali, dari segi kelas. Mereka menyediakan bilik yang luas, selesa, persekitaran yang damai, berhawa dingin dan kemudahan lif yang disediakan bagi memudahkan para pentadbir, guru dan pelajar menggunakan dengan sebaiknya.

Rujukan

- Azmil Hashim, Ab Halim Tamuri , Misnan Jemali , Aderi Che Noh & Sultan Idris. (2014). *Kaedah Pembelajaran Tahfiz dan Hubungannya dengan Pencapaian Hafazan Pelajar*. Journal of Al-Quran and Tarbiyyah. 1. 9-16.
- Ismail, Mohd Jamalil, Sabri Mohamad, Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Nor Hafizi Yusof. (2017). *Strategi Kecemerlangan Institusi Pendidikan Tahfiz AlQuran Di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur*. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari. Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Mardhiyah, Zetty Nurzuliana & Aslam Farah. (2018). *Isu Dalam Pendidikan Tahfiz: Satu Analisis*. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Mohd Faisal Mohamed, Wan Hasmah & Mohd Yakub Zulkifli. (2012). *Kelas Kemahiran Al-Quran ke arah pembangunan Generasi Al-Quran di Malaysia*. Vol. 10. No 1.
- Mohd Faizulamri, Sabri Mohamad, Hamdi Ishak & Haziyah Hussin. (2020). *Kaedah Penerapan Tadabbur Untuk Huffaz Al Quran*. Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Murihah A., Abdul Hafiz A., Arief Salleh & Mohd Faez Ilias. (2015). *Garis Panduan bagi Hafiz Al-Quran Menurut Pandang Al-Nawawi*.

- Noor Hisham Md Nawi, and Nur Azuki Yusuff , and Mohd Binyamin Che Yaacob, and Nasrul Hakim Salleh, (2014) *Matlamat Dan Halatuju Sistem Pengajian Tahfiz Di Kelantan : Satu Pengamatan Awal.*
- Nor Hafizi Yusof. (2020). *Kaedah Pintar Murajaah Al-Quran: Kajian di Institusi Pengajian Tahfiz Malaysia.* Vol. 21.
- Norlizah , Fathiyah, Ahmad Fauzi, Lukman & Wan Marzuki. (2017). *Minat Murid Yang Mengikut Aliran Tahfiz Dan Bentuk Sokongan Yang Diterima.* Jurnal of Humanities, Language, Culture and Business.
- Nurzuliana rashed, Zetty & Tamuri, Ab Halim & Pisol, Mohd & Ilias, Mohd & Ihwani, Siti. (2016). *Peranan Al-Quran sebagai Sumber Ilmu Pengetahuan dan Hubungannya dengan Sains.*
- Sharini. (2017). *Kaedah, Proses dan factor Yang Mempengaruhi pembelajaran Tahfiz Dalam Kalangan Murid Sekolah Agama Kerajaan.* Universiti Putra Malaysia.
- Solahuddin Bin Ismail. (2016). *Institusi Tahfiz Di Malaysia: Prospek Dan Cabaran..*
- Solahuddin Ismail. (2018). *Sejarah Perkembangan dan Status Terkini Pengajian Tahfiz Di Malaysia: Manhaj Dan Model.* Pusat Pengajian Kerajaan COLGIS. Universiti Utara Malaysia.
- Zakaria, R., Mohd Haridi, N., Yahaya, M., Pangilun, S., & Husin, H. (2020). Penerapan Elemen Tadabbur Al-Quran dalam Kalangan Pelajar Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS). *Jurnal Pengajian Islam*, 13(2), 97-107.
- Zulkifli Mohd Yakub & Nordin Ahmad. (2016). *Memperkasa generasi Penghafaz Al-Quran.* darul Quran Jakim. Centre of Quranic Research (CQR) Universiti Malaya.